

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHUTHAN NAIR**

**TARIKH : 31 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 71**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah maklum balas daripada pakar mengenai kebaikan dan keburukan peraturan cermin gelap pada kenderaan. Adakah tidak dilakukan penyelarasan terlebih dahulu di antara Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Dalam Negeri sebelum peraturan ini dilaksanakan dan adakah peraturan baharu ini akan disemak kembali.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama dengan PDRM, malah MOU antara JPJ & PDRM telah pun bermula pada 2012 dan satu Jawatankuasa Teknikal antara JPJ & PDRM sentiasa bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun untuk menyelesaikan isu-isu penguatkuasaan dan isu-isu berbangkit yang lain.
2. Untuk isu berkaitan penggunaan cermin gelap oleh kenderaan persendirian, menerusi perbincangan oleh pihak JPJ dan PDRM pada 16 Mei 2019, kedua-dua agensi ini bersetuju untuk bekerjasama di dalam menyediakan laporan terhadap permohonan baru penggunaan cermin gelap oleh orang awam (kenderaan persendirian), dan juga mesyuarat bersetuju untuk pihak PDRM menyediakan laporan rekod jenayah sebelum sesuatu kelulusan kepada orang awam diberikan.

Sekian, terima kasih.